



## **STATUS TERKINI PERMOHONAN PROGRAM SUBSIDI UPAH**

Sejak Program Subsidi Upah diperkenalkan pada **1 April 2020 sehingga 27 Mei 2020**, PERKESO telah menerima **302,997 permohonan** daripada majikan yang mewakili **2.45 juta pekerja**.

Seperti kebiasaannya, majikan perusahaan mikro dan kecil adalah yang paling banyak memohon.

Sehingga semalam, kami **meluluskan 94 peratus** daripada jumlah keseluruhan permohonan, atau **284,786 permohonan**. Yang selebihnya masih dalam tindakan, berada di peringkat kuiri, ataupun ditolak kerana tidak memenuhi syarat-syarat program.

Sehingga kini, masih ada majikan yang menyatakan **Business Registration Number (BRN)** atau **nombor akaun yang salah** sewaktu mengemukakan permohonan mereka. Malah, ada yang memberi nama syarikat yang tidak tepat. Kesilapan seperti ini akan menyebabkan kelewatan pembayaran subsidi upah.

PERKESO menerima jumlah permohonan yang amat tinggi dan kami sedang memproses semua permohonan dengan kadar segera.

Kami amat menghargai kesabaran para majikan dan pekerja sementara proses pembayaran masih berjalan.

Untuk makluman, semua *call centre* PERKESO kini beroperasi seperti biasa mulai 27 Mei 2020.

**#StayActiveStayHealthy**

**DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED  
KETUA EKSEKUTIF  
PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)  
28 MEI 2020**

### ***DISCLAIMER***

PERKESO tidak akan bertanggungjawab atau bertanggungan bagi apa-apa kerugian yang terbit dalam kontrak, tort atau sebaliknya atas penggunaan atau pendedahan apa-apa data oleh mana-mana pihak bagi tujuan Pakej Rangsangan Ekonomi PRIHATIN 2020 yang melibatkan PERKESO seperti Program Subsidi Upah, Program Pengekalan Pekerjaan dan Program Sarungan Prihatin PERKESO atau program-program lain yang berkaitan dengannya dan tidak akan bertanggungjawab atau bertanggungan sekiranya penggunaan atau pendedahan apa-apa data oleh mana-mana pihak bagi tujuan tersebut dilakukan oleh mana-mana pihak yang tidak diberi kuasa secara bertulis oleh PERKESO. PERKESO memandang serius terhadap keselamatan data peribadi dan meminta semua pihak supaya mematuhi peruntukan undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkait dengan perlindungan data peribadi.

# PECAHAN PSU MENGIKUT MAJIKAN

---

## SEHINGGA 27 MEI 2020

---

